

Pelajar tahun akhir nadi FKEE FC

PELAJAR tahun akhir Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) Universiti Malaysia Pahang (UMP) antara yang akan memeriahkan Kejohanan KOSMO! Varsity Futsal Zon Timur yang bermula esok.

Pasukan yang dikenali sebagai FKEE FC itu ditubuhkan empat bulan lalu dengan membariskan sepuluh pemain.

Menurut pengurus pasukan, Ariff Safwan, biarpun pasukannya baru ditubuhkan, dia tetap berharap FKEE FC sekurang-kurangnya mara ke peringkat suku akhir.

"Kami sudah menyertai dua kejohanan iaitu kejohanan Terbuka Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Terbuka Pahang, dan meskipun gagal memenangi sebarang pingat, kami tetap giat menjalani latihan" katanya.

Kejohanan dua hari itu akan bermula esok di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).